



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN MAKMAL DAN BENGKEL
KOD KURSUS	:	BBT 30603
PROGRAM	:	2 BBV
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2013/JANUARI 2014
MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA DARI ENAM (6) SOALAN YANG DISEDIAKAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI **EMPAT(4)** MUKA SURAT

S1 Menurut Azhari (1990), pengurusan boleh ditakrifkan sebagai satu proses perancangan, pengembelingan, arahan dan kawalan untuk mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan.

a) Apakah yang dimaksudkan dengan penggembelingan?

(5 markah)

b) Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) adalah sistem pengurusan yang sistematik. Antara strategi TQM ialah penambahbaikan yang berterusan. Dengan bantuan gambarajah, terangkan strategi tersebut secara terperinci.

(10 markah)

c) Huraikan pendekatan yang melihat sains pengurusan sebagai satu proses

(10 markah)

S2 a) Nyatakan faktor fizikal yang menyumbang penyakit di tempat kerja.

(5 markah)

b) Pengurusan keselamatan adalah bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan dalam masa yang sama dapat mengurangkan kerugian. Jelaskan secara terperinci langkah-langkah pengurusan keselamatan mesin dan peralatan.

(10 markah)

c) Antara punca kemalangan industri yang disebabkan oleh faktor teknikal ialah mesin atau jentera yang berbahaya tidak berpagar. Nyatakan perlanggaran akta yang berlaku dan huraikan langkah-langkah keselamatan untuk mengatasi masalah tersebut.

(10 markah)

- S3** a) Keperluan kepada susunatur di dalam makmal dapat dikelaskan kepada empat (4) jenis iaitu pembinaan makmal baru, membahagi atau merombak semula peralatan sedia ada, menyusun atur semula susunan sedia ada dan perubahan kecil kepada sesuatu susun atur sedia ada.

Terangkan maksud sebenar bagi setiap jenis keperluan susunatur tersebut.

(10 markah)

- b) Tiga pendekatan susun atur lazim dijadikan rujukan asas dalam menyusun mesin dan peralatan di dalam makmal ialah susun atur mengikut proses dan aktiviti, kedudukan tetap dan keluaran.

Perincikan konsep dan ciri bagi setiap pendekatan tersebut.

(10 markah)

- c) Setiap pengurusan stor mempunyai carta alir bagaimana mentadbir penstoran bahan. Lakarkan carta alir pengurusan stor yang biasa diamalkan.

(5 markah)

S4

- a) Terangkan tiga prinsip asas yang perlu dilakukan semasa proses penyimpanan atau penstoran.

(5 markah)

- b) Kasman baru dilantik sebagai seorang pengurus stor di syarikat pembekal barang binaan. Beliau mendapat stok barang tidak disimpan di tempat yang sepatutnya. Berdasarkan situasi Kasman, nyatakan jenis-jenis bahan yang terlibat dan cadangkan tempat penyimpanannya.

(10 markah)

- c) Mentadbir penstoran bahan, barang dan peralatan makmal merupakan sebahagian daripada pengurusan kewangan industri. Bahan atau barang ini juga dikatakan sebagai input berubah, ianya perlu ditadbir secara berkesan selaras dengan fungsi penstoran itu sendiri. Dengan bantuan carta alir, terangkan fungsi pengurusan stor.

(10 markah)

- S5** a) Aturcara penyenggaraan makmal merupakan perancangan kerja penyenggaraan sama ada mencegah, menjaga atau membaikpulih sepanjang hayat bangunan, mesin dan peralatan, serta bahan atau barang makmal.

Berikan objektif aturcara penyenggaraan makmal.

(5 markah)

- b) Kerja penyenggaraan keseluruhan makmal mungkin dapat dikurangkan seandainya segala kemudahan bangunan digunakan secara berhemah serta dijaga dengan baik . Tindakan sebegini boleh mengelakkan kos operasi penyenggaraan menjadi tinggi. Huraikan dua langkah teknikal yang boleh dilaksanakan dalam kerja penyenggaraan.

(10 markah)

- c) Lif juga memerlukan perhatian, penjagaan dan penyenggaraan yang rapi kerana ia merupakan kemudahan yang dipasang pada struktur bangunan. Huraikan aspek aspek yang perlu diberi perhatian sebelum, semasa dan selepas penyenggaraan.

(10 markah)

- S6** a) Apakah objektif pelupusan aset sesebuah makmal atau bengkel?

(5 markah)

- b) Ada pelbagai kaedah yang digunakan untuk melupuskan peralatan atau barang makmal. Makmal-makmal industri di sektor swasta mempunyai caranya tersendiri dalam melaksanakan proses pelupusan, tertakluk kepada syarat dan amalan industri itu sendiri yang kebanyakannya sedikit berbeza di antara satu sama lain. Dengan bantuan lakaran nyatakan prosedur pelupusan aset.

(10 markah)

- c) Sektor awam mempunyai kaedahnya tersendiri bagi mengurus barang yang telah dilupuskan seperti yang diperuntukan di bawah bidang kuasa Perbendaharaan Malaysia. Berikan empat kaedah mengurus barang yang telah tamat proses pelupusan.

(10 markah)

-SOALAN TAMAT-